

Kolej AB UMS juara Karnival Debat Piala Naib Canselor

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH

i.sabkhanUB@gmail.com

UB 20.10.2012 AS

KOTAKINABALU: Kolej Kediaman Anugerah Bestari (AB) berjaya merangkul kejuaraan dalam pertandingan Debat Piala Naib Canselor kali ke-12.

Kolej AB telah berjaya menewaskan Kolej Excellent bagi kategori Bahasa Melayu Utama pada pertandingan berkenaan yang telah diadakan di Dewan Resital, Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 15 Oktober.

Peserta daripada Kolej AB iaitu Khairil Taufik berjaya merangkul anugerah Pendebat Terbaik.

Kejuaraan bagi kategori utama itu diteruskan

dengan kejayaan bagi kategori Muda apabila Faisz Omar dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik.

Pertandingan itu dihakimi oleh Dr Yasmin selaku ketua hakim, Mat Reo daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Shahzwan daripada Jabatan Kesihatan dan Saqafi Jubar yang juga penggiat teater dan artis Pilih Kasih musim pertama.

Panel hakim lain ialah Juga Ony Latifah daripada Jabatan Pendidikan serta Hidayati Lasimin dan Sarifa Monadzra daripada Jabatan Penyiaran.

Pertandingan akhir berkenaan telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof Madya Datuk Dr Kassim Md Mansur.

Kassim berkata, Kolej AB sememangnya kolej

yang aktif dalam penganjuran program apatah lagi yang berbentuk pengucapan awam kerana Karnival Debat Piala Naib Canselor itu telah dianjurkan selama 12 tahun berturut-turut di bawah anjuran Exco Akademik dan Kepimpinan Jakmas Kolej AB.

Manakala Pengetua Kolej AB, Talib Abdullah Shani merakamkan rasa bangga kerana selama 12 tahun penganjuran program itu telah berjaya melahirkan ramai pendebat UMS yang hebat.

Antara pengisian Karnival Debat Piala Naib Canselor tahun ini adalah Bengkel Pengucapan Awam, Dewan Perundangan Mahasiswa dan juga buat pertama kalinya Pertandingan Pesta Pantun di antara Kolej Kediaman yang mempertemukan Kolej Kediaman AB dan Kolej Kediaman E.



KASSIM menyampaikan hadiah kejuaraan kepada pemenang.